

05 DEC 1998

Reformasi-Pertubuhan

WAKIL REFORMASI TIDAK MUNCUL DI PEJABAT PENDAFTAR PERTUBUHAN

KUALA LUMPUR, 5 Dis (Bernama) -- Wakil gerakan reformasi tidak muncul di pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Wilayah Persekutuan di sini hari untuk mendaftarkan gerakan itu sebagai parti politik.

Para wartawan dan jurugambar menunggu di pejabat itu sejak pukul 10.30 pagi dan pulang dengan hampa setelah pejabat itu ditutup pada pukul 1.15 petang.

Penolong Pendaftar Pertubuhan Wilayah Persekutuan Encik Lau Chi Swee yang ditemui di pejabat itu berkata, tidak ada mana-mana pihak daripada gerakan itu yang datang menyerahkan borang permohonan untuk pendaftaran.

Beliau juga tidak menerima sebarang pesanan untuk temu janji daripada gerakan itu hari ini.

"Setakat ini belum ada parti (politik) baru memohon untuk didaftarkan di sini, tak tahulah kalau di pejabat cawangan lain kerana pejabat itu cuma menerima permohonan bagi alamat di Wilayah Persekutuan sahaja," katanya kepada para pemberita.

Encik Lau berkata, permohonan untuk mendaftarkan sesuatu pertubuhan adalah mengikut alamat pertubuhan itu dan pejabat cawangan di negeri berkenaan bertanggungjawab memprosesnya sebelum diluluskan dan didaftarkan oleh Pendaftar Pertubuhan.

Seorang pendukung gerakan reformasi Abdul Malek Hussain awal minggu ini menyahut cabaran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya gerakan itu didaftarkan sebagai pertubuhan politik, berbanding terlibat dalam demonstrasi dan perhimpunan haram.

Beliau juga pernah berkata parti yang bakal ditubuhkan oleh gerakan itu mungkin dipimpin oleh Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang mencetuskan gerakan itu selepas dipecat dari UMNO dan kabinet pada September lepas.

Abdul Malek dilaporkan dalam akhbar hari ini, akan mendaftarkan gerakan itu sebagai pertubuhan yang sah hari ini.

Abdul Malek memberitahu akhbar semalam bahawa beliau akan menjelaskan mengenai nama pertubuhan dan siapa yang akan menajanya di pejabat pendaftar pertubuhan pada hari ini.

Beliau tidak pula menyebut pejabat pendaftar pertubuhan yang mana satu.

Usaha menghubungi beliau melalui telefon bimbitnya tidak berhasil, manakala panggilan telefon ke rumahnya, cuma mendapat jawapan beliau sudah keluar.

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Selangor di Shah Alam ketika dihubungi pada tengah hari ini memberitahu tidak ada mana-mana pihak yang datang untuk menghantar borang pendaftaran bagi mendaftarkan pergerakan reformasi itu.

-- BERNAMA

AFY MNY RI